

Konsep Untung Patut dari Perspektif Kewangan Islam

(Concept of Reasonable Profit from an Islamic Financial Perspective)

Muhamad Zuhaili Saiman^{1*}, Izzati Farhana Mahadzir²

¹*Academy of Contemporary Islamic Studies, Pusat Asasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor Kampus, 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia*

²*Open University Malaysia, Bangi Branch, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia*

mdzuhaili@uitm.edu.my

izzatifarhana86@gmail.com

ARTICLE INFO

Article history:

Received 20 June 2025

Revised 27 August 2025

Accepted 5 September 2025

Published 22 September 2025

Keywords:

Fardu Kifayah
Islamic Financial
Muslim Producer
Reasonable Profit
Trading

Kata kunci:

Fardu kifayah
Jual beli
Kewangan Islam
Pengeluar Islam
Untung patut

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jhsmr.v1i1.8987>

ABSTRACT

Trading is a daily human activity aimed at fulfilling basic needs, providing comfort, and generating income through profits. Islam does not prohibit this activity; in fact, according to al-Jarjawi, trading falls under the category of collective obligation (*fardu kifayah*) as it serves the essential needs of society. Islam does not restrict sellers from gaining profit from their sales, nor does it rigidly stipulate or impose a specific ceiling on the level of profit attained. However, at the same time, Islam emphasizes that profit must be free from any elements of deception. The objective of this study is to discuss the concept of reasonable profit in determining profit margins within Islamic finance. The methodology used is qualitative design with library research through references to theses, journals, newspapers, and scholarly books relevant to the topic. The findings indicate that the concept of fair profit should serve as a benchmark for Muslim producers and sellers in ensuring a healthy market norm and fulfilling consumer needs. This is evident in situations where essential goods become unaffordable for consumers, thereby necessitating government intervention to restore the balance between demand and supply, while preventing projects ready for sale from being abandoned due to consumers' inability to purchase.

ABSTRAK

Jual beli merupakan satu aktiviti kehidupan seharian manusia yang bertujuan untuk memenuhi keperluan asas, kesejahteraan malah mencari pendapatan melalui keuntungan yang diperolehi. Islam tidak menghalang aktiviti jual beli ini, malah menurut al-Jarjawi bahawa jual beli termasuk dalam konteks fardu kifayah kerana ia memenuhi keperluan manusia. Islam tidak menghalang penjual daripada mengaut keuntungan daripada jualan tersebut. Malah, Islam juga tidak menetapkan secara rigid atau had bagi kadar keuntungan tertentu yang dicapai. Namun dalam masa yang sama Islam tetap menekankan bahawa keuntungan yang diperolehi mestilah tidak mempunyai unsur-unsur palsu. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan konsep untung patut dalam menentukan kadar keuntungan jualan mengikut kewangan Islam. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif melalui kajian perpustakaan dengan merujuk kepada tesis, jurnal, akhbar dan juga buku ilmiah yang berkaitan dengan tajuk kajian. Berdasarkan kajian yang dijalankan, konsep untung patut seharusnya

^{1*} Corresponding author: mdzuhaili@uitm.edu.my

menjadi penanda aras kepada pengeluar atau penjual Islam bagi memastikan norma pasaran yang baik dan dapat memenuhi kehendak pelanggan. Ini terbukti apabila terdapat keperluan asas yang menyebabkan pelanggan tidak mampu, maka kerajaan perlu campur tangan untuk memastikan keseimbangan semula permintaan dan penawaran serta mengelakkan projek yang sedia untuk dijual dan tidak terbiar kerana kemampuan pelanggan untuk membeli.

KONSEP UNTUNG PATUT DARI PERSPEKTIF KEWANGAN ISLAM

PENDAHULUAN

Islam menjadikan aktiviti jual beli termasuk dalam perkara fardu kifayah kerana menerusi aktiviti ini manusia saling memenuhi keperluan di antara satu sama lain. Aktiviti jual beli juga termasuk dalam perbincangan muamalat atau kewangan Islam kerana melibatkan pengurusan harta dari sudut pemilikan, perolehan, perbelanjaan, pengurusan dan sebagainya. Menurut al-Jarjawi (2007) dengan aktiviti jual beli ini membuktikan bahawa kehidupan manusia ini adalah secara bersifat *madani* atau bermasyarakat yang saling memerlukan di antara satu sama lain.

Jual beli melibatkan akad pertukaran antara dua pihak iaitu pembeli dan penjual ke atas barangan jualan serta bayaran. Penjual berhak mendapat keuntungan atas barangan jualan atau produk manakala pembeli pula akan memperolehi pemilikan ke atas sesuatu barangan atau produk untuk kegunaannya sepenuhnya. Jika terdapat syarat yang dikenakan ke atas pembeli yang menghalang hak *tasarruf* (urus harta) ke atas barangan tersebut maka syarat tersebut adalah terbatal kerana bertentangan dengan tujuan akad jual beli tersebut.

Keuntungan merupakan kadar lebihan ke atas modal dan kos lepas bagi sesuatu barangan jualan yang diraih dengan cara menurut patuh syariah. Islam tidak mengiktiraf sebarang tambahan atau lebihan yang diperolehi dengan cara yang batil seperti riba, penipuan dan pertaruhan judi kerana hakikatnya tambahan dan lebihan tersebut bukan milik yang sah (Ab Rahim, 2012). Ini kerana harta yang batil atau tidak patuh syariah mesti dikembalikan kepada pemilik asalnya jika memiliki pemilik atau diserahkan kepada pihak berautoriti dalam menguruskan harta tidak patuh syariah ini.

Dalam konteks penentuan kadar keuntungan, Islam tidak pernah meletakkan had bagi sesuatu keuntungan dalam urusan niaga yang dijalankan secara *rigid* iaitu berasaskan penetapan angka secara khusus. Malah kadar penentuan harga jualan sesuatu barang adalah berasaskan tawaran dari penjual dan terdapat ruang perbincangan tawar-menawar dengan pelanggan sebelum akad dipersetujui. Hal ini secara umum dalam jualan sama ada secara tunai atau bertangguh. Ini kerana, soal penentuan keuntungan adalah berasaskan perkiraan di pihak penjual di samping memenuhi kehendak pembeli. Berdasarkan kajian Shamsiah Mohamad (2002) bahawa selagimana norma pasaran berjalan secara baik, maka ia terserah kepada perbincangan antara penjual dan pembeli dalam tawar menawar sesuatu harga ke atas sesuatu barangan tanpa wujud kelakuan-kelakuan yang diharamkan dalam Islam.

Sehubungan itu, tanpa had yang tertentu, di sinilah yang akan membezakan antara peniaga dan pengeluar Muslim dengan peniaga dan pengeluar bukan Islam dalam penentuan sesuatu kadar keuntungan. Dalam hal inilah yang membezakan antara untung patut dengan untung maksimum (Sanep Ahmad, 2016). Untung patut bukanlah bermaksud menghalang peniaga memperolehi untung tetapi penentuan sesuatu kadar keuntungan diambil kira dari objektif sesuatu jualan yang asasnya ialah memenuhi keperluan pembeli. Maka tawaran harga yang diberikan adalah dengan memastikan pembeli mampu milik ke atas sesuatu barangan terutama yang bersifat keperluan kehidupan. Tanpa had yang tetap, maka terletaklah perbezaan antara peniaga dan pengeluar Muslim dengan bukan Muslim dalam menentukan kadar keuntungan. Prinsip dalam perniagaan Islam tidak menolok keuntungan, tetapi menekankan untung patut

yang akan membawa kepada prinsip harga yang adil, mampu milik dan berpandukan etika. Apatah lagi, konsep ini amat relevan dalam konteks ekonomi post-pandemik, di mana keutamaan diberikan kepada keadilan sosial dan kesejahteraan pengguna, bukan semata-mata keuntungan maksimum. Kajian terbaru menunjukkan bahawa dalam perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) berteraskan syariah, etika penetapan harga, ketelusan dan tanggungjawab sosial memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan pengguna tanpa menzalimi pembeli melalui harga berlebihan (Syahril & Mujianto, 2024).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini direka bentuk menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen. Kaedah pengumpulan data dilaksanakan berasaskan kajian perpustakaan yang melibatkan sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada al-Quran, hadis, kitab turath fiqh muamalat serta fatwa kontemporari daripada institusi berautoriti. Sumber sekunder pula merangkumi buku akademik, artikel jurnal, tesis akademik serta artikel ilmiah dari tokoh ilmuan yang menjadi rujukan masyarakat Islam sama ada dalam dan luar negara yang berhubung dengan perbincangan yang dijalankan berdasarkan bidang muamalat dan kewangan Islam. Pemilihan sumber yang pelbagai ini bertujuan memastikan kefahaman konsep untung patut dihuraikan daripada perspektif normatif syariah serta diaplikasikan dalam konteks kewangan Islam kontemporari.

Data yang diperoleh dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dengan menggunakan tiga pendekatan utama. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan prinsip syariah berkaitan keuntungan yang menekankan larangan riba, penipuan dan ihtikar. Analisis tematik pula mengenal pasti pola dan tema utama seperti penentuan untung patut, etika peniaga Muslim, dan peranan kerajaan dalam menjaga norma pasaran. Sementara itu, analisis komparatif diaplikasikan untuk menilai perbezaan antara pandangan fuqaha klasik dengan pandangan sarjana kontemporari serta amalan ekonomi semasa antara keuntungan patut dengan keuntungan maksimum. Pendekatan ini memastikan dapatan kajian dibina secara sistematik, dengan menegaskan kedudukan konsep untung patut sebagai asas kepada keadilan sosial, keberkatan urusan niaga, dan keseimbangan antara kepentingan penjual serta pembeli.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

1. Garis Panduan Keuntungan Urusniaga Jualan Dari Perspektif Kewangan Islam

Asasnya, tiada penetapan had tertentu ke atas sesuatu kadar keuntungan dalam urusan niaga jualan yang dijalankan. Ini berdasarkan kepada firman Allah seperti berikut :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ۗ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama suka di antara kamu.

Surah an-Nisa', 3: 29

Ayat al-Quran di atas merujuk kepada prinsip dalam sesuatu urusan niaga mestilah berpaksikan kepada keadilan menerusi keredhaan kedua-dua belah pihak yang mengurusniaga. Terserah kepada penjual dan pembeli dalam mencapai sesuatu harga yang disepakati bersama bagi menyempurnakan akad jual beli (Muhammad Bakr, 1999). Apa yang dilarang dalam ayat tersebut ialah memakan harta secara batil, antaranya ialah riba, *ghabn fahisy*, *taghrir*, *gharar*, dan *ihtikar*. Menurut 'Immarah (2009) riba ialah Pertambahan yang dilarang oleh syarak sama ada dalam riba *buyu*' (jual beli) atau riba *qurud* (pinjaman). Menurut Nazih Hammad (tt), *ghabn fahisy* merupakan keuntungan melampaui harga pasaran dengan menggunakan penipuan. *Taghrir* pula ialah penipuan dan memperdayakan pelanggan dengan maklumat

yang palsu manakala *gharar* ialah ketidakjelasan, ketidaktentuan dan ketidakpastian maklumat atau harga yang akhirnya membawa kepada persengketaan ('Immarah, 2009). Adapun *ihtikar* ialah Membeli barang keperluan manusia lalu menyorokkannya sehingga waktu *al-ghala'* (krisis kekurangan bahan), kemudian menjualnya dengan harga yang lebih tinggi (al-Bakri, 2017).

Menurut penjelasan dari Ifta' Jordan (2021) bahawa hikmah tidak ditentukan kadar keuntungan secara had atau *rigid figure* tertentu ialah menyerahkan urusan kepada manusia mengikut kesesuaian uruf dan gelagat semasa bagi sesuatu proses mencapai keadilan kedua-dua pihak menerusi keredhaan bersama. Sebab itu, proses ini mesti berlaku dengan telus dan jelas agar tidak berlaku persengketaan jika wujudnya sebarang penipuan, kesamaran maklumat dan manipulasi ke atas satu pihak yang lain.

Selain itu, hikmah tidak ditetapkan had sesuatu keuntungan secara *rigid* ke atas sesuatu barangan jualan adalah kerana sesuatu harga jualan adalah merujuk kepada perkiraan semasa bagi sesuatu modal dan juga kos lepas yang ditanggung oleh penjual atau pengeluar. Kos-kos tersebut adalah berbeza-beza seperti jenis barangan, tahap taraf hidup seseorang tempat, tahap permintaan, kos sewaan, cukai serta upah-upah pekerja. Sehubungan itu, tiada ketetapan had secara *rigid* dalam mencapai keuntungan merupakan keadilan di pihak penjual (Muhammad Sabri, 2020). Manakala proses tawar menawar pula adalah keadilan di pihak pembeli selagi mana tidak wujud unsur yang dilarang dalam Islam. Bagi memastikan proses tawar menawar ini berlaku dalam norma pasaran yang baik, soal etika dan akhlak yang terpuji amat ditekankan seperti kejujuran, amanah, sopan santun dan toleransi (Mohd Nizho & Mohd Shukri, 2008).

Terdapat juga hadis yang menunjukkan keterbukaan Rasulullah SAW dalam mengiktiraf keuntungan tanpa had tertentu. Ini merujuk kepada hadis dari 'Urwah al-Bariqi yang meriwayatkan :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَعْطَاهُ دِينَارًا لِيَشْتَرِيَ بِهِ شَاةً، فَاشْتَرَى لَهُ بِهِ شَاتَيْنِ، فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ،
فَعَاءَ بِشَاةٍ وَدِينَارٍ، فَدَعَا لَهُ بِالْبَرَكَةِ فِي بَيْعِهِ، فَكَانَ لَوْ اشْتَرَى التُّرَابَ رَيْحَ فِيهِ

Terjemahan: Rasulullah SAW memberiku satu dinar agar aku membelikannya seekor kambing, kemudian aku membeli dua ekor kambing dengan satu dinar yang diberikan Rasulullah, kemudian aku jual kembali kambing dengan harga satu dinar, apabila aku datang menemui Baginda dengan membawa seekor kambing dan satu dinar. Kemudian Rasulullah SAW mendoakan keberkatan kepada perniagaan 'Urwah, sehingga seandainya ia membeli debu, niscaya ia akan memperoleh keuntungan darinya

Riwayat Abu Dawud: 3384 & 3385

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW mengiktiraf dan tidak melarang sahabat yang berurusanniaga dan mencapai keuntungan sehingga 100%. Ini dapat difahami, selagi tidak unsur manipulasi dan juga perkara yang diharamkan maka soal kadar keuntungan terserah kepada uruf dan gelagat semasa kedua-dua pihak dalam menjalankan akad jual beli. Di samping itu, objektif jualan tercapai ialah mampu milik dengan berlakunya proses pembelian tanpa sebarang reaksi negatif dari pihak pembeli.

Menurut al-Qaradhawi (2021) secara umum, ketiadaan had dalam penentuan keuntungan secara *rigid* namun terdapat garis panduan asas bagi memastikan sesuatu perkiraan keuntungan yang diraih tersebut adalah patuh syariah atau tidak. Mereka yang tidak mematuhi garis panduan umum tersebut bermakna melakukan perkara yang haram dalam tindakan dengan memperoleh hasil yang diharamkan. Al-Qaradaghi (2009) merumuskan bahawa sesuatu keuntungan itu sah selagi mana urusanniaga yang dijalankan adalah seperti berikut :

1. Perniagaan yang tidak menjalankan aktiviti yang bercanggah dengan ajaran agama.
2. Tidak wujud penipuan dalam komunikasi dan penyampaian maklumat.

3. Tidak berlaku ralat pada harga sehingga mencapai tahap *ghabn fahish*.
4. Hasil kenaikan harga bukan dengan mekanisme yang mengeksploitasi ke atas pelanggan seperti sorok barang.

2. Konsep Untung Patut Dalam Urusniaga Jualan

Perkara asas yang membezakan urusniaga dari perspektif kewangan Islam dengan selainnya ialah soal keberkatan dititik beratkan sepanjang proses urusniaga berlaku. Inilah yang dinamakan konsep untung patut dalam urusniaga jualan. Walaupun Islam tidak menetapkan sesuatu had, namun penjual atau pengeluar Islam mempunyai satu faktor yang diambil kira agar untung maksimum disebabkan tanpa had tidak menyebabkan berlakunya perasaan ingin eksploitasi ke atas pembeli atau pelanggan. Keberkatan inilah yang membeza disiplin dan etika seseorang yang beragama Islam atau tidak ('Affanah, 2005).

Seseorang yang memahami dasar kewangan Islam pastinya memahami bahawa tanggungjawab dalam urusniaga yang dijalankan tersebut termasuk dalam perkara fardu kifayah bagi memenuhi kecukupan permintaan masyarakat. Maka, urusniaga dalam Islam selain dibenarkan untung mengambil untung dengan proses wujudnya keadilan kedua-dua pihak menerusi keredhaan bersama, satu perkara yang ditekankan ialah memenuhi keperluan masyarakat. Berbeza dengan dasar kewangan dalam konvensional yang meletakkan matlamat untung semata-mata tanpa memikirkan soal kecukupan masyarakat dalam perkara yang menjadi keperluan kehidupan mereka. Sebab itu, menurut Surtahman & Sanep Ahmad (2005) kewangan Islam terdapat batasan-batasan yang dititikberatkan kerana ia bertujuan mewujudkan keseimbangan dalam kehidupan dengan semua pihak agar terjamin kebajikan dan mendapat keadilan bersama. Sebarang unsur yang diharamkan menjadi penyebab kepada rosaknya keseimbangan dalam sosial kehidupan yang menjejaskan kesejahteraan dalam kehidupan.

Apabila dasar dalam menjalankan urusniaga adalah untung semata-mata tanpa memikirkan soal keperluan masyarakat atau pembeli, maka ia mudah berlaku norma pasaran yang tidak sihat. Atas sebab ini, apabila wujud norma pasaran tidak sihat ini, yang jelas mengganggu kebajikan keperluan asas, kerajaan diharuskan campur tangan dalam urusan penetapan harga dengan meletakkan kadar siling bagi mengawal keadaan, dengan mengambil kira kebajikan kedua-dua belah pihak (Muhamad Zuhaili & Ahmad Dahlan, 2017; Supriadi & Wardah, 2020). Ini bagi mengelakkan wujudnya kemudaratan sama ada disebabkan kelakuan pihak peniaga seperti sorok barang bagi melonjakkan harga atau disebabkan situasi luar yang tidak mampu dikawal seperti peningkatan kadar inflasi global.

Disebabkan itu, untung maksimum adalah bermaksud ketiadaan had dalam penentuan sesuatu keuntungan mesti diimbangi dengan soal keberkatan dan objektif urusniaga menurut kewangan Islam. Jika tidak, untung maksimum hanya akan dimanipulasi bagi tujuan untung semata-mata tanpa memikirkan soal keperluan masyarakat yang akhirnya demi mencapai untung maksimum tersebut, berlakunya norma pasaran yang tidak sihat disebabkan beberapa faktor iaitu (Fatimah & Sanep Ahmad, 2011).

1. Matlamat urusniaga adalah keuntungan semata-mata tanpa soal memenuhi keperluan masyarakat.
2. Persaingan yang tidak sihat dalam pasaran dengan tidak menjaga soal keberkatan.

Lantaran itu, konsep untung patut yang dimaksudkan ialah apabila norma pasaran dalam keadaan persaingan yang sihat di mana dengan harga yang ditawarkan mempunyai keseimbangan dengan permintaan serta memenuhi keperluan pelanggan. Secara mudahnya, untung patut merupakan kadar harga yang disepakati oleh penjual dan pembeli secara telus dengan maklumat yang jelas serta kedua-dua mendapat hak yang diinginkan. Ia berbeza dengan untung maksimum kerana:

- 1) Untung maksimum akan menjadikan matlamat utama bukannya untuk membantu memenuhi keperluan semasa.
- 2) Persaingan tidak sihat boleh berlaku dalam pasaran seperti menipu, menindas dan spekulasi.

Dalam konteks semasa, penetapan untung maksimum tanpa had perlu diseimbangkan dengan pertimbangan keberkatan dan objektif urus niaga menurut prinsip kewangan Islam. Kajian oleh Jumardi & el. al (2022) menunjukkan pentingnya prinsip keseimbangan (fairness) dan ketelusan bagi memastikan keuntungan yang bermoral dan beretika. Dikuatkan lagi kajian oleh Sumar'in, Andi & Mokmin (2024) menekankan bahawa etika seperti amalan penimbangan yang telus antara pedagang Muslim bukan sahaja memperkukuh kepercayaan pelanggan, malah memberikan keuntungan yang diberkati, bukannya eksploitasi semata-mata.

3. Hasil Penekanan Konsep Untung Patut Dalam Penentuan Kadar Keuntungan

Pengeluar Islam adalah pengeluar yang mengamalkan etika Islam dalam aktiviti pengeluaran. Ini bermakna bahawa analisis gelagat pengusaha selaku pengeluar Islam bermakna bahawa pengeluar bersikap mengamalkan nilai-nilai ajaran Islam kepada semua pihak termasuk pengeluar, pelanggan dan kerajaan. Kesedaran untuk mengamalkan nilai Islam di kalangan pengeluar amat penting. Apabila kesedaran telah timbul di kalangan para pengeluar maka mereka akan bersedia menyediakan barang keperluan yang dikehendaki oleh orang ramai demi menunaikan tuntutan fardu kifayah. Mereka berbuat demikian bukan kerana ganjaran semata-mata tetapi demi keuntungan kerohanian dalam bentuk ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Bahkan sebahagian dari pengeluar atas dasar keimanan akan bersedia menurunkan keuntungan firma masing-masing dari tingkat untung maksimum kepada untung patut walaupun tiada intensif fiskal dan kewangan dari kerajaan.


Islam menentang keras usaha bagi mendapat kuasa monopoli atau firma yang berusaha untuk manipulasi harga dan barangan di pasaran. Prinsip pengeluaran dalam Islam menjamin bahawa pasaran sentiasa berada dalam bentuk persaingan yang sihat dan kerjasama antara pengeluar atau firma walaupun tidak wujud persaingan yang sempurna (Monzer, 1992). Walaupun pengeluar tidak diletakkan sesuatu had keuntungan sama ada secara tunai atau bertanggung bagi pembiayaan jangka panjang selagimana tidak bertentangan dengan syariah dan akhlak Islam namun begitu pengeluar Islam tidak boleh hanya memikirkan keuntungan peribadi semata-mata sehingga mengabaikan keuntungan rohani dalam bentuk ganjaran pahala dari Allah SWT. Inilah yang dijangka pada satu tingkat yang dianggap berpatutan pada keuntungan yang ingin dicapai dan memadai bagi dirinya dengan keseimbangan tuntutan dunia dan motivasi akhriat iaitu tanggungjawab memenuhi fardu kifayah. Tingkatan keuntungan itu boleh dipanggil sebagai untung patut di mana pihak pengusaha atau pengeluar sedia menerimanya bagi menggantikan untung maksimum.

Untung patut tidak sama dengan untung maksimum. Asasnya untung patut dilihat lebih rendah kadarnya berbanding untung maksimum kerana pengusaha berkenaan tidak mengejar kepentingan peribadi semata-mata namun bertanggungjawab terhadap permintaan semasa dari masyarakat untuk dipenuhi. Perkara ini tidak mungkin terjadi melainkan terdapat matlamat yang jelas dalam usahanya untuk mendapatkan keredhaan dari Allah SWT (Siddiqi, 1992). Menurut Sanep Ahmad (2016) faktor kepada rasionaliti untung patut adalah berteraskan prinsip pengeluaran dalam Islam iaitu :

1. Matlamat pengeluaran ialah sebagai ibadah untuk mendapatkan *al-falah*.
2. Kegiatan pengeluaran adalah berasaskan syariah.
3. Amanah dan tanggungjawab daripada Allah SWT.
4. Keadilan dalam pengeluaran dan pembangunan masyarakat.

Konsep untung patut adalah berbeza dengan kebanyakan firma konvensional yang lebih memilih objektif pengeluarannya kepada pemaksimum untung berbanding pemaksimum hasil jualan dan pencapaian sasaran. Ini kerana firma Islam objektif pengeluaran adalah lebih kepada pencapaian sasaran iaitu menjadikan usaha pengeluaran sebagai ibadah untuk memenuhi keperluan diri (nafkah) dan memenuhi keperluan masyarakat (fardu kifayah). Sehubungan itu, untung patut boleh didefinisikan sebagai tingkat keuntungan positif yang mana nilainya kurang daripada tahap untung abnormal tetapi melebihi dari tahap untung normal. Penilaian dalam menentukan tahap untung patut tersebut dipengaruhi juga oleh hasil yang diperolehi dalam bentuk manfaat kebajikan yang disumbangkan kepada masyarakat. Ini bermakna pengusaha Islam tetap mendapatkan keuntungan untuk memenuhi keperluan diri dan dalam masa yang sama ia keuntungan yang mendatangkan kebajikan kepada masyarakat dengan tanggungjawab memenuhi keperluan mereka sebagai hikmah dan falsafah dalam urusan yang melibatkan urusniaga jualan.

Kesan dari penekanan konsep untung patut dalam penentuan kadar keuntungan ialah tindakan pengeluaran akan berdasarkan keperluan dan bukannya berdasarkan pasaran semata-mata. Ini kerana sebahagian dari keperluan atau permintaan yang sebenar (*real demand*) oleh masyarakat tidak terdapat dalam pasaran kerana pasaran itu hanya menggambarkan permintaan berkesan (*effective demand*) sahaja. Sebahagian masyarakat yang miskin mungkin amat memerlukan sesuatu barang tertentu tetapi oleh kerana harga barang di pasaran adalah tinggi dan di luar dari kemampuan mereka, maka mereka tidak berupaya untuk membelinya. Keperluan atau permintaan sebenar yang sedemikian tidak menjadi permintaan berkesan di pasaran. Lantaran itu, pengusaha yang menghayati prinsip pengeluaran Islam sepatutnya lebih peka keadaan tersebut dan bertindak untuk lebih mementingkan permintaan sebenar dari permintaan berkesan. Menurut Sanep Ahmad (2016) bagi pengeluar berjiwa Islam dan mengamalkan nilai Islam, objektif mereka adalah mencapai untung patut, maka apa-apa tindakan yang dapat memenuhi objektif sekalipun berlaku pengurangan keuntungan maka ia dikira rasional.



Rajah 1: Konsep Untung Patut menurut kajian penulis

KESIMPULAN

Kesedaran perlu diberi kepada pengeluar Islam agar kebajikan masyarakat diberi perhatian sebagai memenuhi keperluan tuntutan fardu kifayah. Apabila semakin ramai pengusaha yang menghayati prinsip

pengeluaran Islam, maka semakin mudah barang keperluan dikeluarkan oleh pihak swasta dan semakin kurang beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Sebagai manusia, pihak pengusaha boleh berubah sikap ke arah yang positif sekiranya mereka diberi didikan yang betul dan diberi motivasi yang lebih menyeluruh iaitu motivasi yang tidak terikat kepada aspek ekonomi semata-mata. Konsep untung patut perlu dijadikan faktor dalam penentuan kadar keuntungan urusan jualan sama ada dalam jualan tunai atau bertangguh. Ini kerana asasnya memenuhi keperluan masyarakat dalam mampu milik dengan memastikan pengeluaran berdasarkan keperluan dan permintaan bukannya pasaran semata-matanya yang akhirnya boleh menyebabkan norma pasaran yang tidak sihat ditambah lagi mentaliti untung maksimum dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya kerana tiada ketetapan atau had secara *rigid*. Justeru, keistimewaan dalam kewangan Islam ialah objektif urusan tersebut yang asalnya memenuhi keperluan manusia agar masalah tercapai. Sekalipun konsep untung patut adalah pengeluar atau peniaga mengurangi sedikit margin keuntungan namun hakikatnya keuntungan tetap diperolehi dalam masa yang sama kebajikan terhadap pembeli dipelihara. Sebab itu, jika melibatkan barangan asasi keperluan hidup manusia, sekiranya berlaku kemudharatan lonjakan harga maka pihak berkuasa atau kerajaan diharuskan campur tangan dalam konteks penetapan harga. Ini menjadi hujah, sekalipun asasnya tiada ketetapan harga secara *rigid* dalam penentuan keuntungan namun perlu berbalik kepada objektif urusan menurut kewangan Islam itu sendiri.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Selangor, Kampus Dengkil atas penyediaan kemudahan serta sokongan kewangan bagi penyelidikan ini.

PENYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini telah dijalankan tanpa sebarang manfaat peribadi, konflik komersial atau kewangan, serta mengisytiharkan tiada sebarang pertentangan kepentingan dengan pihak penaja.

SUMBANGAN PENULIS

Muhamad Zuhaili telah menjalankan penyelidikan, mengumpul serta menganalisis data yang berkaitan. Izzati Farhana pula telah menyemak semula manuskrip dengan memberi tumpuan kepada penyempurnaan bahasa dan penyusunan semula bahagian sorotan literatur.

RUJUKAN

- Ab. Rahim. 2012. Ab Rahim Ibrahim, 2012. *Riba dan Ribh Menurut Kewangan Islam: Mekanisme penentuan Kadar Keuntungan Pembiayaan Jangka Panjang Dalam Perbankan Islam*. (Tesis peringkat PhD, Jabatan Syariah dan Pengurusan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur).
- ‘Affanah, Husam al-Din bin Musa. 2005. *Fiqh al-Tajir al-Muslim wa Adabuhu*. Palestin: Maktabah Dandis.
- al-Jarjawi, °Ali Ahmad. 2007. *Hikmah al-Tashri° wa Falsafatuh*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Bakri, Zulkifli Mohamad. 2017. *Bayan Linnas Siri ke-111: Fenomena Ulat Tiket di Stadium : Satu Pandangan*. Lihat : <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/677-bayan-linnas-siri-ke-111-fenomena-ulat-tiket-di-stadium-satu-pandangan>

- al-Qaradaghi, Ali Muhyiddin. 2009. *Ta'rif bi al-Ribh wa Dawabituh*. http://www.qaradaghi.com/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=454:2009-07-11-09-41-35&catid=66:2009-07-11-09-31-01&Itemid=13
- al-Qaradhwai, Yusuf. 2021. *Al-Islam wa al-Tijarah*. Lihat link: <https://www.al-qaradawi.net/node/3912>
- Ifta' Jordan. 2021. Yustahabb li al-Tajir al-Takhfif fi Miqdar al-Ribh. Lihat: <https://www.aliftaa.jo/Question2.aspx?QuestionId=3623#.Yt4RynZBzrc>
- Fatimah az-Zahra Abdul Shukor & Sanep Ahmad. 2011. *Epistemologi Tauhid dalam Teori Pengeluaran dan Kesannya ke atas Keluaran dan Kebajikan*. Prosiding PERKEM VI, Jil. 2 (2011) 1 -14.
- Hailani Muji Tahir dan Muhammad Aunurrochim Mas'ad. 2007. *Konsep dan Kriteria Keuntungan Dalam Transaksi Jualbeli: Satu Tinjauan Dari Perspektif Fiqh Mu'amalat*. Prosiding Kolokium Siswazah Fakulti Pengajian Islam Siri III 2007, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- 'Immarah, Mohammad. 2009. *Qamus al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Salam
- Jumardi, Salam, Sabbar Dahhan Sabbar, Nurhayani & Hani Amer Musa. 2022. *The Urgency of Implementing Islamic Business Ethics and Islamic Business Management Post-Pandemic on MSMEs*. Fitrah: Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman. Vol. 8. No. 2. Pp: 257-276.
- Mohd Nizho bin Abdul Rahman dan Mohd Shukri bin Hanapi. 2008, *Etika Perniagaan dari Perspektif al-Quran : Satu Tinjauan*. Kertas Kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.
- Monzer Kahf. 1992. *Theory of Consumption in an Islamic Society*. Dlm. Sayyid Tahir, Aidit Ghazali dan Syed Omar Syed Agil (pnyt.). *Reading in Microeconomics: An Islamic Perspective*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Muhammad Bakr Isma'il. 1999. *Bayn al-Sa'il wa al-Faqih*. al-Qahirah : Dar al-Manar li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Muhammad Sabri Abd Rahim. 2020. *Hal Tahdid Nisbah al-Ribh fi al-Bai' wa al-Syira'..al-Ifta' Tujib*. Lihat link: <https://www.elbalad.news/4594764>
- Muhamad Zuhaili bin Saiman, Ahmad Dahlan Salleh & Shofian Ahmad. 2019. *Aplikasi Rebat Bagi Pembayaran Awal Pembiayaan Jangka Panjang di Perbankan Islam*. Tesis PhD Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi.
- Muhamad Zuhaili bin Saiman & Ahmad Dahlan Salleh. 2017. Risiko Terhadap Keuntungan Dalam Instrumen Transaksi Masa Kini Menurut Fiqh Muamalat. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Vol. 2. No. 1. Hlm. 31-44.
- Nazih Hammad. tt. *al-Uqud al-Mustajiddah: Dhawabituha wa Namazij minha*. Jaddah: Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami, OIC. 210.
- Sanep Ahmad. 2016. *Analisis Ekonomi Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Shamsiah Mohamad. 2002. *Ciri-ciri Keuntungan Menurut Perspektif Islam*. *Jurnal Syariah*, 10: 1 [2002]121-137.

- Siddiqi, M. N. 1992. Islamic Producer Behaviour. Dlm. Sayyid Tahir, Aidit Ghazali dan Syed Sumar'in, Andi Maryam & Mokmin Basri. 2024. *The Impact of Islamic Business Ethics on The Profits of Muslim Traders in The City of Sambas, Indonesia*. Iqtishoduna: Jurnal Ekonomi Islam. Vol. 13. No. 1 (April 1, 2024). Pp: 153-174.
- Supriadi Muslimin, Zainab & Wardah Jafar. 2020. *Konsep Penetapan Harga dalam Perspektif Islam*. Al-Azhar Journal of Islamic Economics. Vol 2. No. 1.
- Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad. 2005. *Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Syahril & Mujianto Nugroho. (2024). *Analysis of Halal Marketing Strategy for Food Products in Sharia-Based MSMEs*. Seriat Ekonomisi. Vol. 1. No. 4. Pp: 149-157.



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).